

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 26 JULAI 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 66

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek Pembinaan BRT di Bandaraya Kota Kinabalu yang terkini. Adakah Kerajaan Persekutuan akan teruskan projek ini memandangkan sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu adalah amat diperlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pelaksanaan Projek Bus Rapid Transit Kota Kinabalu (BRT KK) ini telah dicadangkan pembinaannya bersama dengan pembinaan Terminal Bas Bersepadu Selatan Kepayan, Terminal Bas Bersepadu Timur Penampang dan Terminal Bas Bersepadu Utara Inanam merupakan sebahagian daripada empat (4) Terminal Bas Bersepadu yang dirancang di bawah Pelan Induk Pengangkutan Awam Bandaraya Kota Kinabalu. Kajian fisibiliti telah dijalankan oleh Prasarana Malaysia Berhad pada awal tahun 2018 untuk menentukan jenis pengangkutan awam yang paling sesuai bagi bandaraya Kota Kinabalu iaitu sama ada BRT ataupun LRT. Kajian mendapati bahawa BRT boleh menampung keperluan pengangkutan awam dalam tempoh jangka pendek manakala LRT boleh menampung keperluan pengangkutan awam Kota Kinabalu dalam tempoh jangka panjang.

Kerajaan menyedari terdapat keperluan yang mendesak untuk membangunkan sistem pengangkutan awam yang cekap untuk bandaraya Kota Kinabalu. Oleh sebab itu, Kerajaan akan meneliti kajian fisibiliti yang telah dibuat dan mengkaji semula hala tuju projek ini sebelum membuat keputusan selanjutnya.